

# Revive, Gatorade jadi pilihan Fit Malaysia

BERITA HARIAN (M/S. 4a) 7 FEBRUARI 2015

**Kuala Lumpur:** Pembekal minuman tenaga, Revive isotonik dan Gatorade dilantik menjadi minuman pilihan sempena kempen Fit Malaysia bagi tempoh setahun bermula Disember lalu.

Naib Presiden Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan Permanis, Kasipillay Ragavan berkata, Gatorade dan Revive adalah antara minuman isotonik yang mampu mengembalikan metabolisme dan memberikan tenaga kepada otot badan.

“Kami amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada Fit Malaysia dan berminat untuk turun padang berkempen sebagai rakan minuman rasmi kempen ini.

## Terap gaya hidup sihat

“Aspek utama dalam penjagaan kesihatan adalah menjaga sistem badan ketika melakukan aktiviti fizikal dan kedua-dua minuman ini membuktikan ia mampu melaksanakannya,” katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Permanis dan Fit Malaysia yang turut dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, baru-baru ini.

Pada September lalu, Khairy melancarkan kempen Fit Malaysia yang bertujuan menerapkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat di negara ini merangkumi aktiviti seperti berlari, berbasikal, seni mempertahankan diri dan program kecergasan.

**Oleh Mohd Khairie Khalid**



Oleh Ferzalie Fauzi  
ferzalie@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Jangan sampai saya hilang sabar! Itu luahan Datuk Lee Chong Wei yang tidak teragak-agak menggantung raket selepas Panel Pendengaran Doping membabitkannya ditangguh lagi hingga bulan depan.

"Tengoklah sampai mana saya boleh sabar. Kalau sudah tidak sabar lagi, saya akan buat keputusan untuk berhenti," katanya selepas sesi latihan di Stadium Juara, Bukit Kiara semalam.

Sebelum ini perbincangan pe-

menang pingat perak Sukan Olimpik 2008 dan 2012 itu dijadual berlangsung minggu depan, namun ditangguhkan lagi kepada Mac.

"Saya tidak tahu, BAM (Persatuan Badminton Malaysia) dan ISN (Institut Sukan Negara) yang buat keputusan ini.

"Saya langsung tidak mendapat maklumat mengenai penangguhan dan tarikh baru," katanya yang kini digantung sementara Persekutuan Badminton Dunia (BWF).

Jelasnya, dia tidak boleh buat apa-apa apabila tarikh perbincaraannya ditunda lagi selepas diberitahu Timbalan Presiden BAM

Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria kepada media, Rabu lalu.

"Kini, kena tunggu saja sebab keputusan bukan di tangan saya. Saya hanya ikut apa keputusan BAM dan ISN serta terus bersabar," katanya.

Ini kali kedua Chong Wei menjelaskan kepada media dia akan bersara, selepas kali pertama jawapan sama diberikan ketika ditanya BBC pada 25 Januari lalu mengenai apa yang dia akan lakukan jika dikenakan penggantungan dua tahun.

Ditanya mengenai tindakan dua pemain beregu lelaki, Hoon Thien How-Lim Khim Wah membuat keputusan meninggal-

kan BAM, Chong Wei mengandaikan ramal lagi pemain bakal melakukan langkah sama.

"Pengurusan persatuan ada masalah, saya rasa ramai orang sudah tahu. Selepas ini, mungkin ramal lagi pemain akan beratur memberi surat meninggalkan BAM.

"Saya pula lepas habis perbincaraan, baru akan buat keputusan," kata Chong Wei.

Mengenai peningkatan elaun diumumkan BAM Rabu lalu, Chong Wei berkata, ia berita baik buat semua pemain.

"Ada pemain keluar sebab masalah elaun, siapa boleh hidup di Kuala Lumpur dengan bayaran RMI,500 sebulan. Kelab luar

memberi tawaran lagi tinggi, itulah sebabnya mereka keluar BAM," katanya.

Sementara itu, Norza berkata, mengenai tarikh perbincaraan berkenaan beliau hanya menerangkan ia berkemungkinan diadakan pada Februari atau Mac.

"Memang kita fokus untuk menyelesaikan kes ini. Kita mahu ia diselesaikan secara positif. Kami sangat faham perasaan Chong Wei sekarang ini.

"Sekarang dia terlepas Seluruh England, selepas ini dia juga akan terpaksa lupak Siri Super Premier Terbuka Malaysia bulan depan. Jadi kita harap dia bersabar," katanya.

Layak Piala Asia 2019, pingat emas pada Sukan SEA 2015

# KPI buat Dollah, Kim Swee

Oleh AHMAD FAZLI MOHD. YADI  
fazli.yadi@kosmo.com.my

**PERSATUAN** Bola Sepak Malaysia (FAM) mengumumkan, pihaknya telah menetapkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) buat jurulatih Harimau Malaya, Dollah Salleh dan pengendali skuad Sukan SEA 2015, Datuk Ong Kim Swee sebagai misi mengangkat martabat bola sepak negara.

Perkara itu didedahkan oleh Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang bertitah, layak ke pusingan



**KIM SWE**E diberi tanggungjawab untuk mengulangi kejayaan meraih pingat emas yang dimenangi pada Sukan SEA 2011 Jakarta untuk Sukan SEA Singapura Jun depan.

akhir Piala Asia 2019 serta memenangi pingat emas Sukan SEA 2015 di Singapura Jun depan adalah KPI buat Dollah serta Kim Swee.

Dollah yang dilantik sebagai pengganti bekas jurulatih, Datuk K. Rajagobal pada Jun tahun lalu berjaya membawa skuad kebangsaan layak ke pentas final Piala AFF Suzuki 2014 tetapi tewas 4-3 secara agregat kepada Thailand.

Manakala Kim Swee yang pernah memenangi pingat emas Sukan SEA 2011 Jakarta, sekali lagi diamanahkan untuk merampas kembali pingat emas apabila skuad Harimau Muda A gagal mempertahankan kejuaraan pada aksi Sukan SEA 2013 Myanmar.

Mengulas lanjut, Tengku Abdullah bertitah, FAM bersedia untuk memberikan persiapan terbaik kepada pasukan senior dan junior kebangsaan itu bagi mencapai setiap KPI yang ditetapkan.

"Saya sasar pasukan negara (Harimau Malaya) untuk mendapat tempat (pusingan akhir) ke Piala Asia 2019 yang mana kita akan melepasi peringkat kelayakan (Piala Asia) 2017.

"Begitu juga dengan Sukan SEA, kita sasarkan pingat emas (pada tahun ini). Di Bangladesh (Piala Emas Bangabandhu), kita telah masuk ke final dan sebilangan pemain bawah 23 (B-23) bermain dengan pasukan itu, ini satu petanda baik," titah baginda.

"Ketika ini, fokus kepada skuad Sukan SEA dan skuad AFC B-22 tetapi kita juga minta Dollah buat perancangan rapi, pemilihan pemain dan kita mahu pemain tingkatkan kecergasan di dalam Liga Malaysia (Liga M)," titah baginda kepada pemberita selepas mesyuarat kewangan dan skuad kebangsaan di Wisma FAM, Kelana Jaya semalam.

Dalam perkembangan lain, Tengku Abdullah turut mengumumkan perancangan awal FAM yang berhajat untuk mengadakan aksi persahabatan menentang pasukan gergasi Afrika, Ivory Coast pada Mac depan.

"Pada mesyuarat ini, kita sudah dengar segala perancangan jurulatih-jurulatih skuad kebangsaan dan (FAM) akan mengadakan (aksi persahabatan) menentang Ivory Coast pada Mac depan tetapi belum mukhtamad lagi," titah baginda.



FAM juga bersedia memberikan persiapan terbaik kepada skuad senior negara bimbingan Dollah bagi mencapai KPI Malaysia layak ke pusingan akhir Piala Asia 2019.

KOSMO (M/S 63...)

7 FEBRUARI 2015

# Skwad trek berbasikal raih satu lagi emas di ACC 2015

**SKUAD** trek berbasikal negara menambah satu lagi pingat emas pada hari ketiga Kejohanan Lumba Basikal Asia 2015 (ACC) 2015 di Korat, Thailand menerusi pelumba remaja, Muhammad Fadhil Mohd. Zonis dalam acara satu kilometer ujian masa individu (ITT).

Konsisten dengan purata kelajuan 53.92 kilometer sejam (kmj), Muhammad Fadhil mencatatkan masa 1 minit 06.760 saat untuk menambah koleksi pingat skuad negara yang kini meraih dua emas, dua perak dan dua gangsa.

Pingat perak dimenangi pelumba Taiwan, Li Chin Yi, manakala gangsa disambar oleh pelumba Jepun, Minami Jun.

Kemenangan tersebut menyaksikan Muhammad Fadhil berjaya meneruskan legasi kejayaan dilakar oleh abangnya, Muhammad Firdaus yang sebelum ini merakam sejarah muncul pelumba remaja pertama meraih tiga pingat emas pada ACC 2014 di Kazakhstan.

"Hari ini adalah hari yang sangat indah buat saya. Tahun lalu abang saya menang acara ini. Tahun ini, giliran saya pula meraih pingat emas. Ini bermakna saya mampu menyaingi pencapaian abang saya," katanya dalam satu kenyataan.

Nasib berbeza menimpa Muhammad Firdaus yang tampil buat kali pertama dalam kategori lelaki elit apabila sekadar menduduki tempat ke-6 pada acara satu kilometer ITT semalam apabila sekadar merekod masa 1:06.636s pada acara yang dimenangi oleh pelumba Korea Selatan, Im Chae Bin.

Bagaimanapun, Muhammad Firdaus percaya dia perlukan sedikit lagi pengalaman untuk menyaingi bintang senior dari Jepun, Korea Selatan, Iran, Taiwan dan China.

"Ini tahun pertama saya bersaing dalam kategori lelaki elit. Saya perlukan banyak pendedahan dan masa sebelum mampu menyerlahkan watak juara," ujarinya.



MUHAMMAD FADHIL (tengah) terus mencerikan kem Malaysia apabila meraih emas acara satu kilometer ujian masa individu di ACC 2015.

**KOSMO (M/S61) 7 FEBRUARI 2015**  
 Dalam pada itu, Fatehah Mustafa melangkah ke separuh akhir acara 100 meter pecut individu dan bakal menentang jagoan dari Korea Selatan, Lee Eun Jin.

Fatehah mara selepas menewaskan seorang lagi pelumba Korea Selatan, Choi Seul Gi di peringkat suku akhir.

# Tiga belia bawa nama negara

SINAR HARIAN (M/S 10)  
KUALA LUMPUR - Tiga belia..)

Malaysia yang memenangi Your Action Project Competition (YAPC) anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) akan membawa nama negara ke Perhimpunan Belia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bermula 8 hingga 15 Februari ini.

Presiden MBM, Muammar Gaddafi Jamal Jamaludin berkata, ketiga-tiga belia ini akan membawa projek inovasi kreatif ciptaan mereka untuk dipertandingkan dalam perhimpunan belia tersebut.

"Misi MBM untuk membawa belia negara ini ke peringkat antarabangsa selain melihat projek yang dipertandingkan dalam YAPC boleh dikembangkan dan dikongsi bersama masyarakat global untuk pembangunan mampan.

"Kami yakin melalui penyertaan belia dalam perhimpunan kali ini dapat memberi galakan dan suntikan semangat kepada belia Malaysia sebagai agen perubahan yang signifikan dalam masya-

7 FEBRUARI 2015  
rakat," katanya dalam sidang media Penghantaran Belia Malaysia ke Perhimpunan Belia PBB, semalam.

Menurutnya, belia-belia ini terdiri daripada penuntut Universiti Malaysia Pahang, Keshvan Raj Chandra yang membawakan projek memproses air menggunakan bahan semulajadi; penuntut Politeknik Nilai, Samsol Bahari Hamdan dengan projek hidropnik untuk kanak-kanak dan penuntut Universiti Malaya, Zakwan Buang dengan projek laman sesawang *internship* Asean.

Muammar Gaddafi berkata, jika berjaya dalam pertandingan itu, mereka akan diberi geran merealisasikan produk dimenangi.

Dalam majlis sama, MBM turut melancarkan bantuan pasca banjir ke Kelantan.

Katanya, bantuan menumpukan kepada projek pembinaan telaga tiub dan baik pulih pendawaian elektrik di Gua Musang, Rantau Panjang dan Tanah Merah.